



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Telefon: 201957
Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM.(S) 10034.Jld.IV
Tarikh: 6 April 1984

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL.2 TAHUN 1984

PENUBUHAN PANEL PERUNDINGAN DI ANTARA PIHAK
AWAM DAN SWASTA DI PERINGKAT KEMENTERIAN/IBU
PEJABAT JABATAN PERSEKUTUAN/NEGERI/DAERAH

1. Tujuan

1.1. Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai penubuhan Panel Perundingan di antara pihak awam dan swasta di peringkat Kementerian, ibu pejabat Jabatan Persekutuan, Negeri dan Daerah. Panel ini akan berperanan sebagai forum di mana wakil-wakil sektor awam dan swasta dapat membincangkan cara-cara meningkatkan kerjasama di antara mereka selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated).

2. Latar Belakang

2.1. Y.A.B. Perdana Menteri, semasa melancarkan Forum INTAN pada 25 Februari 1983, telah mengesyorkan supaya diwujudkan kerjasama yang lebih erat di antara pihak awam dan swasta demi pembangunan negara. Kementerian/Jabatan Kerajaan juga dikehendaki supaya memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak swasta.

Semenjak pelancaran tersebut, INTAN yang bertindak sebagai urusetia kepada kegiatan-kegiatan berhubung dengan penyebaran konsep Persyarikatan Malaysia, telah menganjurkan beberapa Forum yang menemukan wakil-wakil terkemuka dari sektor awam dan swasta. Setakat ini, beberapa Forum telah diadakan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Selain dari itu, penerangan juga telah diberikan kepada beberapa Kementerian/Jabatan dan syarikat swasta, mengenai pengertian konsep Persyarikatan Malaysia.

3. Penubuhan Panel Perundingan dan Tujuannya

3.1. Adalah dirasakan bahawa salah satu dari cara-cara bagi melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia ialah dengan menubuhkan Panel Perundingan di setiap Kementerian, ibu pejabat Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah bagi membolehkan pihak awam dan swasta membincangkan isu dan masalah tertentu yang mana penyelesaiannya dapat memberi faedah kepada negara. Kerajaan sedar bahawa pada masa ini sudah ada beberapa Kementerian, ibu pejabat Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah yang mengadakan perbincangan sedemikian. Walau bagaimanapun adalah diharapkan bahawa:

- (i) Kementerian, ibu pejabat Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah yang pada masa ini mengadakan pertemuan dengan pihak swasta bagi membincangkan masalah-masalah tertentu akan meneruskan perbincangan ini dengan lebih kerap lagi dan meluaskan skop perkara-perkara yang dibincangkan; dan
- (ii) Bagi Kementerian, ibu pejabat Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah, terutamanya yang mempunyai banyak hubungan dengan pihak swasta, tetapi masih belum mengadakan perundingan dengan pihak swasta, adalah dikehendaki berbuat demikian.

3.2. Bagi Kementerian yang mempunyai hanya satu atau dua Jabatan sahaja di bawah kawalannya, satu Panel di peringkat Kementerian adalah memadai. Bagi Jabatan Persekutuan pula, Panel Perundingan ini perlu ditubuhkan di peringkat ibu pejabat sahaja.

3.3. Tujuan utama penubuhan Panel Perundingan ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengubah sikap di kalangan sektor awam dan swasta supaya kedua-dua pihak menerima hakikat bahawa mereka adalah rakan dalam pembangunan negara;
- (ii) Untuk mengeratkan lagi kerjasama di antara sektor awam dan swasta, sesuai dengan semangat Persyarikatan Malaysia; dan
- (iii) Untuk menggalakkan pertukaran maklumat di antara kedua-dua pihak.

4. Struktur Panel

4.1. Panel ini hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan Persekutuan/Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Daerah, dan timbalannya pula adalah dari pihak swasta. Anggota-anggotanya hendaklah terdiri dari pegawai-pegawai tertentu dalam Kementerian/Jabatan/Negeri/Daerah yang berkenaan dan wakil-wakil dari pihak swasta. Wakil-wakil dari swasta boleh dipilih dari orang perseorangan atau ahli-ahli persatuan perniagaan. Selain dari itu, jika difikirkan perlu, ahli akademik juga boleh dijemput menganggotai Panel tersebut. Ahli-ahli Panel hendaklah dilantik oleh Pengerusi. Contoh keanggotaan Panel Perundingan ini adalah seperti didapat di Lampiran Surat Pekeliling Am ini.

4.2. Bilangan ahli Panel Perundingan ini akan diputuskan mengikut budibicara Pengerusi. Bilangan satu-satu Panel seelok-eloknya mencerminkan perwakilan yang cukup dan juga dapat dikendalikan bagi mencapai munafaat yang maksima dan berkesan.

4.3. Adalah dicadangkan supaya Panel ini mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan.

5. Cadangan Perkara-perkara Untuk Perbincangan

5.1. Sepertimana yang telah dijelaskan, tujuan utama penubuhan Panel ini ialah untuk mengubah sikap, mengeratkan lagi hubungan diantara pihak awam dan swasta dan menggalakkan pertukaran maklumat di antara kedua-dua pihak. Ini dapat dijalankan melalui perhubungan yang rapat di antara kedua-dua pihak supaya mereka saling memahami di antara satu sama lain.

5.2. Di antara perkara-perkara yang boleh diberi tumpuan oleh Panel ini termasuklah:

- (i) Kajian semula ke atas peraturan dan prosedur yang diamalkan sekarang, terutama sekali di Kementerian, Jabatan/Negeri/Daerah yang mempunyai hubungan yang kerap dengan sektor swasta;
- (ii) Mendapat maklumbalas dan cadangan dari sektor swasta tentang pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan;
- (iii) Cara-cara bagi meningkatkan kerjasama di antara Kementerian/Jabatan/Kerajaan Negeri/Pejabat Daerah dengan sektor swasta; dan
- (iv) Penerangan mengenai dasar dan strategi tertentu dan cara pelaksanaannya.

6. Penutup

6.1. Adalah diharapkan supaya Panel Perundingan di peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri/Daerah ditubuhkan dengan seberapa segera yang boleh. Pertanyaan selanjutnya mengenai perkara ini bolehlah dikemukakan kepada alamat berikut:

Pengarah,
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN),
Peti Surat 1154, Jalan Pantai Baru,
Kuala Lumpur.

Tel. 952400



(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k. Y.B. Setiausaha-setiausha Kerajaan Negeri.

CONTOH KEANGGOTAAN JAWATANKUASA PERUNDINGAN
DI PERINGKAT KEMENTERIAN, IBU PEJABAT JABATAN
PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI DAN PEJABAT DAERAH

1. Peringkat Kementerian

Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian
Timbalan Pengerusi: Ahli dari sektor swasta
Ahli: Pegawai-pegawai Kementerian yang mempunyai banyak hubungan dengan sektor swasta dan ahli-ahli yang dilantik dari sektor swasta.
Setiausaha: Setiausaha Bersama mewakili sektor awam dan swasta.

2. Peringkat Ibu Pejabat Jabatan Persekutuan

Pengerusi: Ketua Jabatan
Timbalan Pengerusi: Ahli dari sektor swasta
Ahli: Pegawai-pegawai Jabatan yang mempunyai banyak hubungan dengan sektor swasta dan ahli-ahli yang dilantik dari sektor swasta.
Setiausaha: Setiausaha Bersama mewakili sektor awam dan swasta.

3. Peringkat Negeri

Pengerusi: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Timbalan Pengerusi: Ahli dari sektor swasta
Ahli: Pegawai-pegawai dari Jabatan yang mempunyai banyak hubungan dengan pihak swasta dan ahli-ahli yang dilantik dari sektor swasta.
Setiausaha: Setiausaha Bersama mewakili sektor awam dan swasta.

4. Pejabat Daerah

Pengerusi: Pegawai Daerah
Timbalan Pengerusi: Wakil dari sektor swasta
Ahli: Pegawai-pegawai dari Jabatan yang mempunyai banyak hubungan dengan sektor swasta dan ahli-ahli yang dilantik dari sektor swasta.
Setiausaha: Setiausaha Bersama mewakili sektor awam dan swasta.